

Berjaya dengan keputusan positif

► *Kempen satu tahun kesedaran kanser dan jelajah Hospital Pakar KPJ Sabah*

Oleh JOHAN AZIZ

KENINGAU: Kempen berasaskan komuniti selama satu tahun oleh Hospital Pakar KPJ Sabah telah mencapai kejayaan dengan keputusan yang positif.

Pengarah Eksekutif KPJ bagi Sabah dan Sarawak Mah Lai Heng berkata, kempen itu meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kanser seperti faktor risiko dan gejala, mengilham sikap positif terhadap kedua-dua pencegahan serta diagnosis awal dan menggalakkan tingkah laku gaya hidup yang sihat.

"Selepas berjaya melancarkan Kempen Kesedaran Kanser di Kota Kinabalu pada tahun lalu dan 10 bulan jelajah ke daerah-daerah utama di Sabah, Hospital Pakar KPJ Sabah telah membawa destinasi jelajah terakhir ke daerah Keningau," katanya.

Beliau berkata demikian

“Selepas berjaya melancarkan Kempen Kesedaran Kanser di Kota Kinabalu pada tahun lalu dan 10 bulan jelajah ke daerah-daerah utama di Sabah, Hospital Pakar KPJ Sabah telah membawa destinasi jelajah terakhir ke daerah Keningau.”

MAH LAI HENG

Pengarah Eksekutif KPJ bagi Sabah dan Sarawak



MAH (tujuh kiri), Chong (lapan kiri) bersama para penganjur mewakili persatuan dan jabatan kerajaan mengunting riben sebagai gimik pelancaran forum itu.

dalam ucapannya ketika melancarkan Jelajah Hospital Pakar KPJ Sabah mengempakan Kesedaran Kanser 'Kami Boleh, Saya

Boleh' di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata ia merupakan permulaan yang baik untuk kesedaran kanser dan kempen pendidikan di Keningau.

Menurutnya, kanser kini menjadi penyebab kematian dan kecacatan di seluruh dunia, yang memberi kesan kepada lebih 14 juta orang setiap tahun.

Mah berkata, ia adalah penyakit merosakkan yang sering melibatkan terapi ketat dan kesan sampingan yang tidak menyenangkan seperti kehilangan berat badan, lelah dan kehilangan rambut.

"Statistik daripada Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa kira-kira 100,000 rakyat Malaysia mengalami kanser pada satu-satu masa seperti kanser payudara, kanser kolorektal, kanser paru-paru, kanser serviks dan kanser nasofaring yang merupakan jenis paling biasa.

"Dianggarkan satu daripada empat rakyat Malaysia akan mengembangkan kanser pada usia 75 tahun.

"Fakta kanser adalah cabaran umum, masyarakat mungkin tidak menyedari

atau memahami dengan tepat bagaimana ia mempengaruhi kehidupan mereka, negara dan dunia.

Mah menjelaskan ia mungkin kelihatan seperti satu orang tidak boleh membuat perbezaan, tetapi sebenarnya usaha mereka boleh memberi impak besar kepada kehidupan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Beliau berkata, Hari Kanser Sedunia diadakan setiap tahun pada 4 Februari. Ia adalah acara global yang bertujuan menyatukan semua orang untuk mengambil tindakan

dan memerangi kanser dengan tumpuan utama dalam pencegahan, pengesanan dan rawatan.

"Sebagai Pusat Radioterapi dan Onkologi terkemuka di Malaysia Timur, kami mengambil langkah ke hadapan untuk menyokong Hari Kanser Sedunia 2016-2018 dengan tema: Kami Boleh, Saya Boleh, sebagai usaha berterusan kami untuk meningkatkan kesedaran tentang kanser di semua peringkat," katanya.

Aktiviti lain yang diadakan semasa acara itu adalah ceramah kesihatan,

perkongsian oleh mereka yang terselamat daripada kanser, gerai pameran dan pemeriksaan kesihatan yang dianjurkan oleh Hospital Pakar KPJ Sabah.

Forum di Keningau dianjurkan oleh Kelab Lions (Zon 12), Dewan Perniagaan Cina Keningau, Persatuan Wanita Cina Keningau, Persatuan Hakka, Persatuan Warga Emas, Persatuan Sze Yi, Persatuan Jiangan Wuyi, Persatuan Hainan, Persatuan Teo Chew, Persatuan Hokkien, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) dan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat Binkgor.

Semua penganjur menyatakan keyakinan mereka bahawa forum awam itu akan berkesan dalam membawa komuniti Keningau bersama-sama untuk memerangi kanser.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Cina Keningau Chong Tou Chong dalam ucapannya menghargai usaha Hospital Pakar KPJ Sabah dan semua persatuan yang terlibat.

"Sambutannya amat menggalakkan dan kita melihat semua masyarakat di daerah ini menyokong kempen ini, dan kami sentiasa bersyukur terhadapnya," katanya.

Forum yang diadakan selama tiga jam itu telah dihadiri lebih 230 orang.